

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

| | | | |
|------------|----------------|---------|------------|
| TARIKH | 26 / 10 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | F1, 2 | RUANGAN | Supplement |



Korban demi jihad

» Petugas TH utamakan kesejahteraan jemaah haji

Oleh Nor Affizar Ibrahim
afizar@bharian.com.my

Hakikatnya, bukan hanya jemaah haji menjadi tetamu Allah saja dibaluti rasa rindu dan sedih apabila berjauhan, tetapi gelodak perasaan dirasakan petugas haji dan keluarga mereka. Namun, demi tugas dan amanah perlukan pihak, perasaan itu dibenamkan.

Dengan jiwa kental, petugas berazam memberikan khidmat terbaik supaya segala urusan untuk semua tetamu Allah berjalan lancar.

Bertugas sebagai Ketua Unit Pentadbiran Jabatan Haji, Mohamad Nasir Yusoff berkata sepanjang berkhidmat 27 tahun dengan Lembaga Tahun Haji (TH) hanya 10 kali berpeluang menyambut Hari Raya

Korban bersama keluarga, selebihnya bapa tiga anak itu berangkat ke Makkah sebagai petugas haji.

"Menganggap rezeki bekerja di TH saya beruntung kerana dapat membantu jemaah haji melakukan ibadat rukun kelima. Apabila mereka dapat pahala dan sempurnakan ibadat haji, saya juga dapat pahala dan keberkatan," katanya yang ditugaskan di Jeddah tahun ini bagi menguruskan keberangkatan pulang jemaah haji ke Malaysia. **OP2**



| | | | |
|------------|----------------|---------|------------|
| TARIKH | 26 / 10 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | F112 | RUANGAN | Supplement |



DULU ANAK MASIH KECIL, KASIHAN JUGA KERANA DITINGGALKAN LAMA DAN SELALU SAJA TIDAK DAPAT MENYAMBUT AIDILADHA BERSAMA. SETIAP KALI RAYA, KALAU SAYA BERTUGAS DI MAKKAH, MEREKA TERPAKSA BERAYA BERSAMA SAUDARA MARA DI KAMPUNG"

Mohamed Nasir Yusoff,
Ketua Unit Pendidikan
Jabatan Haji, TH



Kenduri doa selamat dihadiri keluarga dan rakan sebelum bepergian ke Makkah.



Aidiladha tanpa keluarga

O Dari F1

Keluarga memahami

Mohamad Nasir berkata, berpisah lama, jauh dengan isteri dan anak memang sedih, malah ada kala terbit perasaan risau, tetapi dek sudah lali hampir saban tahun mengalami perasaan itu, kini ia bukanlah cabaran atau masalah besar lagi. Tambahan, ketigatiga anaknya sudah besar dan biasa ditinggalkan serta amat memahami tugasnya.

Katanya, sebagai petugas, kepulangan ke tanah air tiada jadual tetapi perluangannya seperti mana jemaah haji lain. Kebiasaananya tempoh petugas berada di Tanah Suci itu lama daripada jemaah haji dan belum pernah berada di sana sehingga 75 hari untuk menunaikan tugasnya.


"Dulu anak masih kecil, kasihan juga kerana ditinggalkan lama dan selalu saja tidak dapat menyambut Aidiladha bersama. Setiap kali raya, kalau saya bertugas di Makkah, mereka terpaksa beraya bersama saudara mara di kampung. Tetapi hendak buat macam mana, saya bertugas dan bukan tidak teringin beraya raya dan menghargaskannya bersama mereka seperti keluarga lain," kata nya yang turut bersyukur komunitasi canggih hari ini memudahkan mereka.

Modus operasi

Nasir memberitahu jika dulunya terpaksa menyediakan siling yang banyak setiap kali menelepon keluarga di Malaysia tetapi kini dengan adanya teknologi canggih sekurang-kurangnya, tiga hingga empat kali sehari dia menghubungi keluarga, sekali gus mereka sentiasa dekat" dengannya.

Mengenal kesukaran dihadapi sepanjang bertugas selain berpisah dengan keluarga, Mohamad Nasir berkata tugasan semakin mencabar lazimnya apabila tiba kemuncak mengerjakan haji iaitu di Arafah dan Mina.

"Sebagai petugas kami perlu pastikan pergerakan jemaah teratur dan lancar manakala keselamatan dan kebaikan mereka dijaga. Bagi saya, ketika membawa dan menjaga jemaah warga tua khususnya, mereka saya anggap seperti ibu bapa sendiri dan menolong mereka apa yang sepatutnya," kata-



Terowong pecah,
tragedi ngeri
menyat hati

Dua pengalaman terowong pecah di Mina dan batu jatuhan serta menghempap ibu pejabat TH di Janadriyah, lebih 10 tahun lalu masih melekat dalam ingannya, sekali gus menambah keinsafan sebagai istan kerdiil di sisi Illahi.

Mohamad Nasir berkata, pengalaman tidak boleh dilupakan sepanjang menjalani petugas haji ketika tragedi terowong runtuh, di Mina pada 1990 yang mengorbankan beratus-ratus jemaah haji.

Katanya, meskipun tiada di tempat kejadian ketika itu tetapi pengalaman menzahirah jenazah mangsa terkorban termasuk yang mati dipijak amat memberikan lesan dan keinsafan.

Peristiwa kedua ialah kejadian di Janadriyah, pada 2007 yang mana batu jatuhan dan menghempap ibu pejabat TH.



Pengalaman pahit manusia


"Keika kejadian, saya bersama empat rakan sedang duduk di tepi bangunan. Waktu itu hujan rempi-rempi dan kami perasaan ada pasir jatuh sedikit demi sedikit. Tetapi entah macam mana belum sempat buat apa-apa, tiba-tiba ada batu jatuhan seperti busut runtuh dan menimpak kami. Cuma tidak menghantui cedera. Mengucap panjang kami ketika itu, tetapi sedihnya walaupun kami berempat, ada rakan terkorban dalam kejadian itu," katanya mengimbang bas tragedi negeri itu.

Menumpul banyak pengalaman dan melalui pahit manusia ketika bertugas, Mohamad Nasir menasihatkan setiap petugas perlu ada keikhlasan ketika melakukan tugas dan pastikan kesihatan fizikal dan minda sentiasa bersedia untuk berbakti.

"Membantu tetamu Allah insya Allah katanya, akan dapat pahala. Walaupun kecil, dapatlah juga pahala itu. Jadi, sebelum bertolak walaupun sudah biasa ke sana, perlu juga buat persiapan fizikal, jiwa dan menyiapkan keperluan dibawa," katanya yang sering menjadikan rakan sekerja.



| | | | |
|------------|----------------|---------|------------|
| TARIKH | 26 / 10 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | F3 | RUANGAN | Supplement |



Fahami erti pengorbanan

Hikmah ibadat korban untuk menghidupkan erti pengorbanan dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim AS ketika Allah SWT memerintah menyembelih anaknya Nabi Ismail AS, yang kemudian mengantarkan sembelihan sekor kubas wajar diselami semua umat Islam.

Keimanan dan kesabaran yang ditunjukkan oleh Nabi Ibrahim itu sekali gus mendidik manusia memahami erti pengorbanan.

Justeru, ketibaan Aidiladha tahun ini, memberi ketabahan kepada ibu tiga anak, Noraini Isa sekeluarga kerana memahami erti pengorbanan terutama melepaskan suaminya, Mohamad Nasir Yusoff, melaksanakan tanggungjawab sebagai petugas TH pada musim haji tahun ini.

Noraini juga pernah bertugas dua kali sebagai petugas haji memberikan pengalaman cukup bermakna dan begitu memahami pengorbanan berkenaan. Lebih manis pengalaman pertama pada 1996, beliau dapat bertugas bersama dengan suaminya.

Noraini berkata, walau-pun ketika itu dia bertugas di Makkah manakala suami di Jeddah, ia antara detik tidak boleh dilupakan terutama apabila terpaksa berpisah lama dengan anak.

"Ketika itu kami baru dikur-



Noraini Isa

niakan seorang anak dan usianya baru tujuh tahun. Memang sedih apabila meninggalkan anak masih kecil kepada adik beradik tetapi pada masa sama, perasaan saya ketika itu begitu melonjak untuk menjadi tetamu Allah. Terasa rugi jika menolaknya, kebetulan tahun itu ibu saya juga berpeluang menuanakan haji," ceritanya



yang bertolak ke Makkah selepas dua minggu suami berlepas ke Jeddah.

Selindung perasaan
Noraini yang kini bertugas sebagai pegawai kerani di Lembaga Urusan Tabung Haji berkata, kali kedua bertugas di sana ialah pada 2001 selepas itu membuat keputusan, cukuplah jika suami seorang saja yang pergi.

"Kali kedua pergi, suami tidak ikut serta. Jika kedua-dua pergi memang sukar sedikit. Sebenarnya, saya kasihan dan amat risau tinggalkan anak lama-lama sebab itulah selepas dua kali bertugas sebagai petugas haji, saya tetapkan fikiran biarlah suami saja yang pergi bertugas di sana manakala tanggungjawab saya menguruskan hal anak di sini. Bayangkanlah jika kedua-dua pergi, lagi kasihan anak-anak."

Kongsi perasaan

Walaupun, mereka sudah besar dan yang sulung sudah bekerja, jika boleh biarlah mereka sentiasa di depan mata saya," katanya yang lazimnya bertugas bahagian kewangan dan membantu bakal jemaah ketika bertugas sebagai petugas haji.

Berkongsi perasaan apabila berjauhan dengan suami Noraini berkata, sebagai isteri sudah tentu perasaan risau bermain dalam fikiran setiap kali suami bertugas di tempat orang. Lebih-lebih lagi, jika mendengar khabar berita atau perkara tidak menyenangkan berlaku di sana.

"Saya tahu dia pergi bertugas



SAYA SEDIH KERANA AYAH SERING TIDAK BERSAMA KAMI MENYAMBUT HARI RAYA KORBAN"

Nor Fatin Ayuni,
Anak

tetapi kadangkala tidak dapat mengelakkan memikirkan pelbagai perkara membimbangkan. Misalnya, ketika kejadian pejabat TH ditimpas batu, ia benar-benar membuatkan hati berasa tidak tenteram sehingga dapat mendengar suara dan panggilan suami dari sana, barulah lega. Seabitulah setiap kali suami pergi ke sana, saya berpesan supaya kerap telefon kami di sini," katanya.